

CHIKUNGUNYA



Gambar Nyamuk *Aedes albopictus* atau *Aedes aegypti*

- ✓ **Chikungunya** adalah sejenis penyakit **bawaan nyamuk**.
- ✓ Chikungunya pertama kali dikesan melalui ujian darah di **Tanzania** pada tahun **1953**.
- ✓ Semenjak itu ia berlaku di negara-negara Afrika, Asia dan akhir-akhir ini ia berlaku di beberapa buah tempat di Negara Eropah.
- ✓ Ia endemik (selalu berlaku) di kebanyakan negara Sub Sahara Afrika, India, Asia Tenggara, Indonesia dan Filipina.
- ✓ Ia bukanlah satu penyakit misteri yang tidak diketahui puncanya.
- ✓ Masa pengesanan bagi Chikungunya boleh menjangkau dari **3 hingga 12 hari tetapi pada kebiasaannya di antara dari 3 hingga 7 hari.**


RAWATAN AWAL

- ♦ Tiada lagi vaksin atau pun ubat yang khusus
- ♦ Makan ubat seperti paracetamol mengikut arahan doktor untuk mengurangkan sakit dan demam
- ♦ Minum banyak air
- ♦ Rehat secukupnya
- ♦ Elakkan dari gigitan nyamuk pada minggu pertama jangkitan, kerana virus ini aktif dalam darah pada minggu pertama. Jika pesakit digigit nyamuk, virus boleh menjangkiti orang lain melalui gigitan nyamuk yang sama.

CHIKUNGUNYA

Berpunca daripada virus Chikungunya yang disebarkan oleh nyamuk yang sama menyebarkan penyakit Denggi

Simptom



Pencegahan

- 1 Gunakan semburan aerosol bagi membunuh nyamuk dewasa di dalam rumah
- 2 Elakkan daripada melawat kawasan wabak Chikungunya
- 3 Gunakan bahan pembunuh jentik-jentik di dalam bekas takungan air kekal atau sukar dibersihkan
- 4 Bersihkan persekitaran, musnahkan tempat pembiakan Aedes setiap minggu
- 5 Pasang jaring nyamuk di tingkap dan pintu rumah
- 6 Gunakan repelan dan pakai pakaian berlengan panjang dan seluar panjang terutama apabila berada di luar rumah